

Senarai calon Datuk Kelana diteliti

22.5.87

SEREMBAN, Khamis — Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dipercayai sedang meneliti senarai calon Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 yang telah dikemukakan oleh anak-anak Waris Perut Ulu daripada empat Rumpun.

Sumber tertinggi adat berkata, dewan berharap dapat menyelesaikan krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 menjelang mesyuaratnya yang akan datang pada pertengahan bulan depan.

Difahamkan Rumpun Tinggang telah mengemukakan 13 calon, Rumpun Bayu empat, Rumpun Dusun tiga dan Rumpun Nyonyol seorang calon.

Juga difahamkan dewan mungkin menggunakan sistem perlantikan Datuk Kelana ke-10 yang berasaskan kepada Adat Diraja dalam usaha menamatkan krisis yang berlarutan tiga tahun itu.

"Daripada 13 calon yang dikemukakan oleh Rumpun Tinggang, enam dikatakan berada dalam senarai terakhir berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan," kata sumber itu kepada Berita Harian di sini hari ini.

Enam calon berkenaan ialah Syed Aman Syed Hassan, Mohd Yusuf Mohd Noor, Syed Jaafar Tengku Syed Harun, Abu Bakar Kinal, Syed Adnan Syed Hamzah dan Bakhtiar Bahari.

Sumber itu berkata, dewan juga dijangka meneliti laporan yang akan dibentangkan oleh Setiausahaanya, Haji Abdul Hamid Lassim mengenai langkah-langkah ke arah menamatkan krisis berkenaan.

"Laporan itu dijangka menyentuh hasil perbincangan yang telah diadakan oleh Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad dengan Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai

Ujong yang diketuai oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin," katanya.

Berita Harian difahamkan bahawa Datuk Andika Mendelika Fadzil telah menjelaskan pendiriannya mahu melantik Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 dalam perbincangan yang diadakan pada penghujung tahun lalu.

Dewan dikatakan tidak mengiktiraf perlantikan Raja Abdul Rahim sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 sekalipun tidak ada sebarang kenyataan rasmi dikeluarkan mengenainya.

Krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 bermula berikutan kematian Undang kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 1983.